

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2019**

MPP 3

**GEOGRAFI
KERTAS 1**

NAMA :

KELAS :

DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

NAMA : TINGKATAN:

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 2019

SIRI 3

GEOGRAFI

2280/1

Kertas 1

Ogos

2019

1¼ jam

Satu Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

1 Mengapakah hidrosfera penting kepada alam sekitar?

- A Pembinaan empangan
- B Menyederhanakan suhu
- C Mengairi kawasan pertanian
- D Membekalkan sumber air domestik

Lapisan Q
- Dua per tiga daripada jisim bumi - Terdapat arus perolakan

2 Lapisan Q ialah

- | | |
|--------------|---------------|
| A mantel | C teras luar |
| B kerak bumi | D teras dalam |



3 Apakah jenis batuan yang dapat dikaitkan dengan pembinaan struktur di atas?

- | | |
|----------|----------------|
| A Enapan | C Metamorfosis |
| B Igneus | D Sedimen |

4 Sumber tenaga yang boleh dijana di kawasan gunung berapi ialah

- | | |
|-----------------|------------------------|
| A tenaga solar | C tenaga geoterma |
| B tenaga biomas | D tenaga hidroelektrik |

5 Apakah faktor fizikal yang menyebabkan aliran lumpur berlaku?


- | | |
|------------------------|-----------------------------|
| A Cerun landai | C Hujan yang lebat |
| B Pembinaan petempatan | D Pertanian di lereng bukit |

6 Apakah sumbangan kawasan pinggir laut kepada sektor ekonomi di Malaysia?

- A Habitat hidupan akuatik
- B Aktiviti ekopelancongan
- C Menyederhanakan suhu
- D Penampakan hakisan ombak

7 Apakah kesan pergerakan bumi secara putaran?

- A Kejadian empat musim
- B Gerhana bulan
- C Gerhana matahari
- D Pasang surut air laut



8 Apakah kejadian yang dapat dikaitkan dengan rajah di atas?


	Hemisfera Utara	Hemisfera Selatan
A	Musim bunga	Musim luruh
B	Musim sejuk	Musim panas
C	Musim panas	Musim sejuk
D	Musim luruh	Musim bunga

9 Langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan masalah banjir kilat di bandar ialah


- A melebarkan jalan raya
- B meluaskan permukaan berturap
- C membina lebih banyak jejantas
- D memasang perangkap sampah



- 10 Apakah punca kepada kejadian peningkatan suhu yang sering berlaku dalam foto di atas?
- A Kesyakan lalu lintas
 - B Petempatan setingan
 - C Aktiviti pembalakan yang giat
 - D Bangunan konkrit dan berkaca
- 11 Apakah gas yang dikategorikan sebagai gas rumah hijau?
- | | |
|-------------|-------------------|
| A Oksigen | C Nitrogen |
| B Gas nadir | D Karbon dioksida |
- 12 Apakah kesan pencairan ais di kutub kepada alam sekitar?
- A Masalah kebuluran
 - B Aras laut meningkat
 - C Kemusnahan harta benda
 - D Laluan kapal kontena akan berubah
- 13 Ciri utama hutan konifer ialah
- | | |
|----------------------|---------------------------|
| A dirian tulen | C pokok berkayu keras |
| B lantai hutan padat | D mempunyai empat lapisan |



- 14 Taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam rajah di atas dapat dikaitkan pada kawasan berlorek dalam peta di bawah yang bertanda



- 15 Mengapakah berlakunya kejadian banjir meluas di Kelantan pada tahun 2014?

- A Aktiviti pembalakan secara giat
- B Kegiatan ekopelancongan yang maju
- C Pembinaan petempatan yang banyak
- D Aktiviti perindustrian yang tidak terkawal

- 16 Apakah kepentingan hutan paya bakau kepada manusia?

- | | |
|---------------------------|--------------------------|
| A Habitat hidupan akuatik | C Kawasan ekopelancongan |
| B Zon penampakan ombak | D Keseimbangan ekosistem |

- 17 Apakah aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan taman negara?

- | | |
|-----------------------|--------------------------------|
| A Ladang hutan | C Memburu hidupan liar |
| B Penebangan terpilih | D Penyelidikan dan pembangunan |



- 18 Mengapakah hidupan liar dalam foto di atas penting kepada ekosistem hutan?
- A Menyediakan makanan
 - B Mengawal populasi rusa
 - C Menyebarkan bijih benih
 - D Menguraikan tumbuhan yang mati
- 19 Apakah kesan penyahutan kepada komponen abiotik dalam ekosistem hutan?
- A Air sungai keruh
 - B Kepupusan fauna
 - C Kemushanan habitat flora
 - D Pengurangan sumber makanan
- 20 Apakah langkah yang boleh diambil untuk menjamin bekalan kayu yang berterusan tanpa menjejaskan hutan sedia ada?
- A Penubuhan ladang hutan
 - B Mewartakan taman negara
 - C Menambah kouta eksport kayu
 - D Memperbanyakkan lesen pembalakan
- 21 Apakah ciri kependudukan di negara yang mengalami kurang penduduk?
- A Taraf hidup rendah
 - B Jangka hayat tinggi
 - C Bekalan sumber terhad
 - D Peluang pekerjaan kurang

Seramai 40,000 orang pekerja asing
bekerja dalam sektor perladangan

Sumber : Berita Harian, 21 Mei 2011

22 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kesan terhadap perkembangan ekonomi negara Malaysia?

- A Penggunaan jentera meluas
- B Peningkatan masalah jenayah
- C Pertambahan kawasan setinggan
- D Aliran wang ke luar negara meningkat

23 Berikut adalah ciri-ciri kependudukan negara X.

- Kadar Kelahiran : 2.45 %
- Kadar Kematian : 0.44 %

Berapakah kadar pertumbuhan penduduk semulajadi negara X?

- | | | | |
|---|-------|---|-------|
| A | 1.45% | C | 2.45% |
| B | 2.01% | D | 2.89% |

24 Apakah kesan pertambahan penduduk terhadap alam sekitar?

- I Kualiti air merosot
- II Flora dan fauna terancam
- III Karbon dioksida berkurangan
- IV Nilai harta tanah merosot

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Mengapakah kawasan petempatan bandar perlu menyediakan kawasan landskap hijau?

- A Menyederhanakan suhu
- B Mewujudkan kawasan tadahan air
- C Mengurangkan masalah setinggan
- D Mengurangkan kesesakan lalu lintas

26 Apakah persamaan fungsi kedua-dua bandar berikut?

- Padang Besar, Perlis
- Tebedu, Sarawak

- | | | | |
|---|---------------------|---|-----------------|
| A | Bandar perlombongan | C | Bandar sempadan |
| B | Bandar pertahanan | D | Bandar diraja |

- Permukaan jalan berturap
- Dinding bangunan konkrit

27 Apakah fenomena cuaca di bandar yang dapat dikaitkan dengan maklumat di atas?

- | | | | |
|---|------------|---|-------------------|
| A | Jerebu | C | Pulau haba |
| B | Hujan asid | D | Kesan rumah hijau |

28 Berikut adalah bandar-bandar di Semenanjung Malaysia.

- Ipoh
- Kuala Lumpur

Apakah faktor awal yang mempengaruhi kewujudan bandar tersebut?

- | | |
|---|-----------------------------------|
| A | Pusat pentadbiran |
| B | Tanah yang subur |
| C | Kawasan penanaman getah |
| D | Kegiatan perlombongan bijih timah |

29 Bagaimanakah perkembangan sistem pengangkutan jalan raya memberi kesan terhadap pembangunan sosial di Malaysia?

- | | |
|---|---|
| A | Peningkatan kemasukan pelancong asing |
| B | Pembangunan sektor pertanian semakin meluas |
| C | Meningkatkan darjah ketersampaian penduduk |
| D | Meningkatkan perkembangan sektor pembuatan |

- 30 Mengapakah Sungai Rajang dan Sungai Kinabatangan penting untuk mengangkut kayu balak?
- A Sungai yang panjang
 - B Pengangkutan darat terhad
 - C Penduduk padat di tepi sungai
 - D Keselamatan yang terjamin



- 31 Foto di atas menunjukkan sejenis pengangkutan awam di Malaysia. Mengapakah pengangkutan tersebut dimajukan di bandar-bandar besar?
- A Mencantikkan lanskap
 - B Mengangkut barangan pukal
 - C Meningkatkan mobiliti penduduk
 - D Mempercepatkan penghantaran maklumat
- 32 Mengapakah pengurusan sumber perlu dilaksanakan di Malaysia?
- A Memperolehi sumber alternatif
 - B Menambah bekalan petroleum
 - C Mengurangkan gerakan jisim
 - D Menambah air larian permukaan
- 33 Bagaimanakah Malaysia dapat mengurangkan kemasukan buruh asing tanpa menjejaskan perkembangan ekonomi negara?
- A Meluaskan kawasan pertanian
 - B Meningkatkan aktiviti pelancongan
 - C Menambah kawasan perkilangan
 - D Memajukan teknologi moden

34 Apakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan tenaga biomas di Malaysia?

- I Najis haiwan
- II Sekam padi
- III Arang batu
- IV Bauksit
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Kombinasi manakah benar tentang jenis-jenis sumber di bawah?


	Sumber boleh diperbaharui	Sumber yang tidak boleh diperbaharui
A	Bunga Rafflesia	Hutan
B	Air	Angin
C	Herba	Gas asli
D	Bauksit	Tanah liat

36 Apakah kesan pembinaan empangan hidroelektrik terhadap alam sekitar?

- A Berlakunya banjir kilat
- B Suhu persekitaran meningkat
- C Kemusnahan habitat hidupan liar
- D Pengurangan gas karbon dioksida

37 Apakah kesan penggunaan pukut tunda di kawasan pinggir pantai?

- A Menjejaskan petempatan air
- B Kepupusan hidupan akuatik
- C Kemusnahan hutan paya bakau
- D Menjejaskan kebersihan pantai



38 Apakah tanaman yang sesuai di tanam di kawasan X?

- | | | | |
|---|------|---|-------|
| A | Teh | C | Padi |
| B | Koko | D | Nenas |



39 Apakah jenis pelancongan yang dapat di kaitkan dengan foto di atas?

- A Ekopelancongan
- B Agropelancongan
- C Pelancongan bertema
- D Pelancongan budaya dan warisan

40 Apakah kepentingan negara Malaysia menyertai ASEAN?

- I Meluaskan pasaran barangan
 - II Pertambahan cukai import
 - III Meningkatkan harga barangan eksport
 - IV Peningkatan perdagangan antarabangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT